

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	31 August 2015

'Tun jangan hadir lagi, please...' Sinar Harian - 31/8/2015

SHAH ALAM - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, beliau tetap menghormati Tun Dr Mahathir Mohamad walaupun bekas perdana menteri itu hadir ke perhimpunan Bersih 4.0, kelmarin.

"Wahai TM (Dr Mahathir) sayang, bahawa kasih sayang pada Tun tidak berubah walau ribuan nista dilemparkan. Saya tahu Tun bukan hendak jatuhkan kerajaan," kata Shahidan dalam sebuah perkongsian di *Facebook* semalam.

"Permintaan saya sebagai pejuang kecil ini ialah, tolong jangan hadir lagi. Please Tun," kata Shahidan lagi.

Petang kelmarin, Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali melawat Dataran Merdeka untuk tempoh singkat.